

SULIT
3757/1
EKONOMI
ASAS
KERTAS 1
NOVEMBER
2004
1 JAM 15 MINIT

3757/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERTAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *P enggunaan kalkulator saintifik dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halamam bercetak

[Lihat sebelah
SULIT


Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- 1 Ilmu ekonomi wujud berasaskan kepada
 - A usaha manusia untuk meningkatkan kesejahteraan hidup
 - B usaha manusia dalam menggunakan semua sumber ekonomi yang ada
 - C usaha manusia untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalam kehidupan mereka
 - D usaha manusia untuk menyeimbangkan pelbagai keinginan dengan sumber ekonomi yang ada

- 2 Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dari semasa ke semasa, tetapi masalah kekurangan masih wujud. Mengapakah keadaan ini berlaku?
 - A Berlakunya bencana alam
 - B Wujudnya ketidakseimbangan pembangunan bandar dan desa
 - C Terdapat jurang perbezaan antara golongan kaya dan golongan miskin
 - D Terdapat ketidakseimbangan antara kehendak masyarakat dengan sumber ekonomi

- 3 Apakah persamaan antara barang awam dengan barang ekonomi?
 - A Penawarannya terhad
 - B Kos lepasnya adalah sifar
 - C Penawarannya tidak terhad
 - D Dikeluarkan oleh pihak kerajaan

- 4 Antara berikut yang manakah **bukan** masalah asas ekonomi?
 - I Sumber-sumber yang terhad
 - II Kehendak-kehendak yang tidak terhad
 - III Apakah dan berapakah yang hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapakah barang itu dikeluarkan?
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



5 Berdasarkan rajah di atas, apakah sistem ekonomi M?

- A Sistem ekonomi Islam
- B Sistem ekonomi kapitalis
- C Sistem ekonomi campuran
- D Sistem ekonomi perancangan pusat

- firma bebas mengeluarkan barang
- isi rumah bebas membuat keputusan
- bebas membuat pakatan

6 Maklumat di atas adalah berhubung dengan ciri-ciri sistem ekonomi yang terdapat di negara S. Bagaimanakah negara S menyelesaikan masalah untuk siapa barang hendak dikeluarkan?

- A Memberi subsidi kepada petani
- B Berdasarkan kuasa beli dan jumlah pendapatan
- C Mengagihkan barang mengikut keputusan kerajaan
- D Berdasarkan kaedah pengeluaran yang dilaksanakan

7 Imran yang tinggal di Kuala Terengganu bekerja sebagai pegawai bank di bandar tersebut, tetapi dia sanggup bertukar kerja sebagai seorang eksekutif jualan di Pulau Pinang. Mengapakah beliau sanggup berbuat demikian?

- I Minat
- II Jarak
- III Upah benar
- IV Faedah sampingan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D I, III dan IV

8 Apakah kesan penurunan harga barang kepada pengguna?

- I Tingkat pelaburan meningkat
- II Pendapatan benar meningkat
- III Jumlah tabungan meningkat
- IV Jumlah pendapatan boleh guna meningkat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

Puan Helmiyah mempunyai dua hektar tanah. Sehektar digunakan untuk menanam kobis dan selebihnya dikendalikan oleh Encik Kamal untuk memelihara burung puyuh. Wang yang diperolehi oleh Puan Helmiyah didepositkan dalam Bank Perdagangan.

9 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis ganjaran yang diterima oleh Puan Helmiyah mengikut urutan di atas?

- A Untung, faedah dan sewa
- B Faedah, untung dan sewa
- C Sewa, faedah dan untung
- D Untung, sewa dan faedah

Encik Asri membuat kajian tentang pendapatan isirumah di sebuah bandar di Terengganu. Hasil kajian tersebut adalah seperti dalam jadual di bawah.

Pekerjaan	Peratus
Guru	10
Petani	25
Bekerja di kilang	15
Berniaga	10
Pesara	10
Jurujual	15
Pembantu rumah	5

10 Berdasarkan jadual di atas, berapa peratuskah penduduk bandar itu bekerja dengan orang lain?

- A 45
- B 55
- C 65
- D 75

Tahun	Purata Harga Barangan Makanan (RM/kg)	Pendapatan (RM)
1999	75	1 800
2000	100	2 000
2001	150	2 100
2002	220	2 200

11 Berdasarkan jadual di atas , tahun manakah upah benar paling rendah?

- A 1999
- B 2000
- C 2001
- D 2002

Encik Ramli ialah seorang juru teknik di sebuah kilang. Gaji bulanannya ialah RM2 200. Beliau mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah dan seorang isteri yang tidak bekerja. Dia mencarum sebanyak RM200 di dalam KWSP dan menabung sebanyak RM300 di Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Jadual Pelepasan Cukai

Diri sendiri	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak	RM 800 setiap seorang

12 Berdasarkan maklumat di atas, hitung pendapatan boleh cukai Encik Ramli.

- A RM10 600
- B RM12 400
- C RM15 600
- D RM16 800

Soalan 13 dan 14 berdasarkan maklumat Encik Aizat di bawah.

Butiran	RM
Gaji	1 500
Elaun Khidmat Awam	125
Potongan KWSP	150
Cukai pendapatan	80
Potongan PERKESO	100
Dividen	12
Tabungan	10

13 Berapakah jumlah pendapatan sebulan Encik Aizat?

- A RM1 407
- B RM1 487
- C RM1 625
- D RM1 637

14 Berapakah jumlah pendapatan boleh guna Encik Aizat?

- A RM1 285
- B RM1 295
- C RM1 297
- D RM1 307

15 Apakah kepentingan belanjawan peribadi kepada individu?

- I Membantu individu mengatur perbelanjaan
- II Membolehkan pilihan keperluan didahulukan
- III Memperoleh keuntungan pada masa depan
- IV Memupuk tabiat ingin menabung di kalangan individu

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan I

16 Mengapakah Encik Roslan menabung wangnya?

- I membeli motosikal secara tunai
- II membiayai perbelanjaan di luar jangkaan
- III melanjutkan pelajaran di kolej swasta
- IV mengurangkan perbelanjaan pada masa sekarang

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan I

17 Antara berikut, yang manakah peranan isi rumah dalam ekonomi?

- I Menyediakan faktor pengeluaran
- II Menggunakan faktor pengeluaran
- III Membelanjakan pendapatan
- IV Mengeluarkan barang dan perkhidmatan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

18 Puan Lai dan Puan Siti membeli belah di sebuah pasaraya untuk

- A mendapat untung maksimum
- B memenuhi utiliti maksimum
- C menjimatkan perbelanjaan
- D memenuhi kepuasan minimum

19 Apakah yang dimaksudkan dengan permintaan?

- A Barang yang ingin dibeli oleh pengguna pada satu jangkamasa tertentu
- B Barang yang mampu dibeli oleh isi rumah pada dua tingkat harga dan pada satu jangkamasa tertentu
- C Barang yang mampu dikeluarkan pada satu tingkat harga dan pada satu jangkamasa tertentu
- D Barang yang mampu dibeli oleh individu pada satu tingkat harga dan pada satu jangkamasa tertentu


20 Apakah kesan kepada harga dan kuantiti diminta jika keluk permintaan beralih ke kanan?

	Harga	Kuantiti diminta
A	Jatuh	Meningkat
B	Naik	Menurun
C	Naik	Tetap
D	Tetap	Meningkat

- 21 Apabila harga barang P bertambah, kuantiti barang Q yang diminta akan turut bertambah. Kemungkinan besar barang P dan Q ialah

A
B
C
D

Barang P	Barang Q
Kereta	Petrol
Milo	Horlicks
Kamera	Filem
Minyak	Gas



- 22 Rajah di atas menunjukkan permintaan terhadap barang Y bagi tempoh tiga tahun. Apakah faktor yang menyebabkan keadaan sedemikian berlaku?

- I Saiz penduduk berkurang
- II Harga barang pengganti jatuh
- III Harga barang penggenap jatuh
- IV Teknologi barang Y semakin merosot

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Soalan 23 dan 24 berdasarkan maklumat fungsi pengeluaran jangka pendek dalam Jadual di bawah.

Jumlah Input jangka pendek (unit)	Jumlah Keluaran (Kg)
3	0
4	5
5	8
6	12
8	22
10	30

23 Hitungkan keluaran sut firma bagi jumlah input yang ke - 8.

- A 2.00
- B 2.75
- C 5.00
- D 10.00

24 Berapakah jumlah input tetap bagi firma tersebut ?

- A 1 unit
- B 2 unit
- C 3 unit
- D 5 unit


Berikut maklumat pengeluaran Syarikat Sri Lanilan Sdn.Bhd.

PENGELUARAN UDANG HARIMAU SYARIKAT SRI LANILAN SDN.BHD	
Jumlah keluaran sebulan	= 100 kg
Kos Pengeluaran sebulan:	
Upah buruh	= RM150 seorang
Sewa kolam	= RM200
Makanan udang	= RM300
Bayaran lain	= RM200

- 25 Berdasarkan maklumat dalam jadual di atas, Syarikat Sri Lanilan Sdn Bhd menjual udang harimau dengan harga RM30 untuk satu kg dengan menggunakan seramai 5 orang buruh mahir. Hitungkan keuntungan yang diperolehi Syarikat Sri Lanilan Sdn.Bhd pada setiap bulan.


- A RM1550
- B RM1750
- C RM2150
- D RM2450

Rajah berikut menunjukkan peralihan keluk penawaran.




- 26 Berdasarkan rajah di atas, apakah faktor yang menyebabkan perubahan kuantiti barang X yang ditawarkan dari Q0 ke Q1 ?
- A Kenaikan harga barang X
 - B Kenaikan harga barang pengganti X
 - C Peningkatan dalam citarasa terhadap barang X
 - D Peningkatan penggunaan teknologi moden dalam pengeluaran barang X

Soalan 27 dan 28 berdasarkan maklumat keluk penawaran firma dalam rajah berikut.



- 27 Rajah di atas menunjukkan keluk-keluk penawaran firma I, II, III dan IV. Firma manakah tidak akan menyumbangkan kepada jumlah penawaran di pasaran pada tingkat harga P ?
- A I
B II
C III
D IV
- 28 Antara berikut, yang manakah benar ?
- I Firma III mengeluarkan sebanyak Q_1Q_2 pada harga P
II Firma II mengeluarkan sebanyak OQ_1 pada harga P
III Firma III mengeluarkan sebanyak OQ_2 pada harga P
IV Firma IV mengeluarkan Q_2Q_3 lebih banyak dari firma III pada harga P
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 29 Antara hubungan berikut, yang manakah benar menunjukkan hubungan antara harga dengan penawaran barang ?
- I Jika harga daging lembu naik, maka penawaran kulit lembu akan berkurangan
II Jika harga daging lembu jatuh, penawaran kulit lembu akan berkurangan
III Jika harga bulu biri-biri naik, maka penawaran daging biri-biri bertambah
IV Jika harga bulu biri-biri naik, maka penawaran daging biri-biri tidak berubah
- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

Maklumat berikut menunjukkan keluk penawaran barang Z.



30 Berdasarkan rajah di atas, hitungkan nilai X sekiranya harga berubah sebanyak 25% dengan nilai keanjalan ialah 3.


- A 443 unit
- B 465 unit
- C 550 unit
- D 770 unit

- Harga keseimbangan ialah RM20.00
- Harga pasaran sekarang ialah RM25.00

31 Berdasarkan maklumat di atas, yang manakah benar tentang pasaran barang?

- I pasaran mengalami lebih permintaan
- II pasaran mengalami lebih penawaran
- III harga pasaran akan jatuh
- IV harga pasaran akan naik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



32 Dalam rajah di atas P,Q dan R ialah keluk permintaan individu dan S ialah keluk permintaan pasaran.
Berapakah kuantiti yang diminta oleh individu R pada tingkat harga RM 6?

- A 17 unit
- B 33 unit
- C 38 unit
- D 45 unit

33 Antara berikut,yang manakah faktor menentukan upah di pasaran?

- A Upah di tentukan berdasarkan kos pengeluaran
- B Upah di tentukan berdasarkan kualiti barangan dikeluarkan
- C Upah ditentukan oleh permintaan dan penawaran
- D Upah ditentukan oleh jumlah permintaan firma terhadap buruh

Berikut maklumat mengenai Permintaan dan Penawaran buruh

Kadar Upah (RM)/ Sehari	20	25	30
Penawaran	100	150	200
Permintaan	250	225	200

34 Jadual di atas menunjukkan penawaran dan permintaan pasaran buruh pada tingkat upah yang tertentu.


Apakah keadaan yang akan wujud dalam pasaran buruh jika upah buruh RM35 sehari?

- A Wujud keseimbangan dalam pasaran
- B Wujud kekurangan tenaga buruh di pasaran
- C Wujud lebihan penawaran dalam pasaran buruh
- D Wujud lebihan permintaan dalam pasaran buruh

- perkhimatan Astro
- perkhidmatan TV3
- perkhidmatan Peguam

35 Berdasarkan pernyataan di atas, tentukan jenis sektor dan alirannya dalam model aliran pusingan pendapatan..

	Sektor	Aliran
A	isi rumah	fizikal
B	firma	wang
C	firma	fizikal
D	isi rumah	wang



36 Rajah di atas menunjukkan Aliran Fizikal dan Aliran Wang dalam ekonomi dua sektor. Aliran X mewakili.

- A pendapatan input
- B faktor pengeluaran
- C perbelanjaan isi rumah
- D barang dan perkhidmatan

Soalan 37 hingga Soalan 40 adalah berdasarkan maklumat berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 37 I Kehendak individu terhadap barang-barang dan perkhidmatan adalah terhad
 II Semua individu mempunyai kehendak dan keperluan yang sama untuk memaksimumkan kepuasan
- 38 I Hubungan antara harga dan kuantiti ditawarkan adalah songsang
 II Keluk penawaran mempunyai kecerunan positif
- 39 I Keluk permintaan pasaran lebih landai dari keluk permintaan individu
 II Keluk permintaan pasaran diperolehi dengan mencampurkan secara mendatar kuantiti yang diminta oleh pelbagai individu pada setiap tingkat harga.
- 40 I Isi rumah membekalkan tenaga kerja dalam pasaran barang dan perkhidmatan
 II Isi rumah menerima upah dalam pasaran faktor

KERTAS SOALAN TAMAT